

KAJIAN TERHADAP PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN – PENGESAHAN BAKI AWAL BAGI ASET ALIH DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.CAD/K/3/2014

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada masa kini, Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubah suai sebagai kaedah perakaunan untuk mengiktiraf dan merekod urus niaga apabila tunai diterima atau dibayar dalam tempoh perakaunan tersebut. Di bawah kaedah ini, perbelanjaan aset tidak dipermodalkan dan liabiliti tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan pula hanya akan diiktiraf semasa pembayaran dibuat dengan menggunakan peruntukan tahun semasa dalam tempoh antara Januari hingga Januari tahun berikutnya. Sejalan dengan salah satu daripada cadangan dibawah Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Ekonomi Baru, Kerajaan telah menetapkan supaya penggunaan sistem perakaunan akruan hendaklah dilaksanakan untuk sistem pengurusan fiskal yang berhemat. Ini seterusnya dapat mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dalam perakaunan Kerajaan Persekutuan.
- 1.2 Salah satu tanggungjawab Pegawai Pengawal dalam memastikan pelaksanaan perakaunan akruan dibuat sewajarnya adalah untuk memastikan daftar aset dan liabiliti dikemas kini selaras dengan pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengemaskinian ini bertujuan untuk mendapatkan baki awal bagi pelaksanaan akruan pada tahun 2015.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk mengesahkan **data baki awal aset alih Kementerian Kesihatan Malaysia pada 1 Januari 2015** adalah tepat dan bebas daripada sebarang kesilapan material serta memenuhi tujuh (7) kriteria berikut:

Bil.	Kriteria	Keterangan
1.	<i>Completeness</i>	Keseluruhan transaksi/urus niaga yang perlu direkodkan telah direkodkan
2.	<i>Accuracy</i>	Amaun/Jumlah dan data lain berkaitan dengan transaksi/urus niaga telah direkodkan sewajarnya
3.	<i>Cut-off</i>	Transaksi/urus niaga telah direkodkan dalam tempoh perakaunan yang betul
4.	<i>Occurrence</i>	Urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang telah direkodkan telah berlaku dan berkaitan dengan entiti
5.	<i>Existence</i>	Fizikal item yang diperoleh wujud dan dapat disahkan
6.	<i>Rights and Obligations</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Entiti mempunyai keupayaan untuk mengawal hak untuk aset • Liabiliti adalah milik entiti dan mempunyai tanggungjawab untuk melunaskannya
7.	<i>Valuation</i>	Aset, liabiliti dan kepentingan ekuiti dimasukkan ke dalam penyata kewangan pada jumlah yang sesuai dan apa-apa penilaian yang terhasil atau pelarasan peruntukan direkodkan sewajarnya

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pengesahan data baki awal bagi aset alih di KKM merangkumi 10 Bahagian di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) serta Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaannya. Pengesahan dilakukan dengan menyemak data aset alih daripada Sistem Pengurusan Aset (SPA), Laporan Akhir/Suku Tahun Aset Alih KKM, borang/daftar aset alih, baucar bayaran yang berkenaan serta pemeriksaan fizikal dan temubual dengan pegawai yang bertanggungjawab.

4. PENEMUAN AUDIT

Bagi fasa pertama, pihak Audit telah membuat perbandingan terhadap data aset alih IPKKM yang dimuat turun dari SPA dengan Laporan Suku Tahun Aset Alih KKM yang disediakan oleh PTJ-PTJ IPKKM yang telah dilawati. Pada 31/12/2013 nilai keseluruhan aset IPKKM yang didaftarkan dalam SPA adalah berjumlah RM90,448,013.80 bagi 17 PTJ. Sebanyak **10 PTJ di IPKKM** telah dilawati dengan **53 sampel aset** disemak. Nilai aset yang disemak adalah berjumlah

RM3,880,581.35 iaitu **5.87%** daripada nilai keseluruhan aset berjumlah **RM66,126,797.56**.

Semakan dibuat antara data yang disimpan dalam SPA dengan Borang Daftar Harta Modal (KEW.PA-2/Kew.312) dan Inventori (KEW.PA-3/Kew.313) bagi mengesahkan maklumat aset. Selain itu semakan fizikal terhadap 53 sampel aset yang dipilih juga telah dilakukan. Butiran sampel aset adalah seperti di **Lampiran 1**.

Hasil semakan tersebut terdapat beberapa penemuan seperti berikut:

4.1. Jumlah Dan Nilai Aset SPA Dengan Laporan Suku Tahun Aset Alih Adalah Berbeza

Pihak Audit telah membuat perbandingan jumlah dan nilai aset di antara rekod yang dijana oleh SPA dengan Laporan Suku Tahun Keempat Aset Alih yang disediakan oleh PTJ. Hasil perbandingan rekod tersebut menunjukkan perbezaan bilangan dan nilai aset seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Perbandingan Di Antara Rekod Aset SPA Dengan Laporan Suku Tahun PTJ

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	BAKI ASET DI SPA PADA 31 DISEMBER 2013		BAKI ASET MENGIKUT LAPORAN SUKU TAHUN 31 DISEMBER 2013		PERBEZAAN	
		KUANTITI	AMAUN	KUANTITI	AMAUN	KUANTITI	AMAUN
1.	BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	2559	4,772,978.39	1048	4,006,742.91	1511	766,235.48
2.	BAHAGIAN KEWANGAN	1270	1,850,962.72	1241	1,761,049.72	29	89,913.00
3.	BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN	1756	2,902,288.55	1753	2,835,734.88	3	66,553.67
4.	BAHAGIAN KESIHATAN AWAM	8438	14,078,218.16	6863	11,473,080.93	1575	2,605,137.23

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB	BAKI ASET DI SPA PADA 31 DISEMBER 2013		BAKI ASET MENGIKUT LAPORAN SUKU TAHUN 31 DISEMBER 2013		PERBEZAAN	
		KUANTITI	AMAUN	KUANTITI	AMAUN	KUANTITI	AMAUN
5.	BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN	1492	1,696,660.82	1491	1,696,985.82	1	(325.00)
6.	BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT	1293	7,901,487.04	2357	8,938,294.59	-1064	(1,036,807.55)
7.	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	5283	8,391,582.28	5283	8,391,582.28	0	-
8.	BAHAGIAN PROGRAM PERUBATAN	10326	10,067,034.86	10182	9,721,857.87	144	345,176.99
9.	BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	7678	11,771,004.93	7222	11,519,480.93	456	251,524.00
10.	BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN	488	2,694,579.81	995	2,061,906.55	-507	632,673.26
	JUMLAH	40583	66,126,797.56	38435	62,406,716.48	2148	3,720,081.08

Pihak Audit dimaklumkan antara sebab perbezaan adalah kerana terdapat aset yang telah lupus tetapi rekod di SPA masih belum dikemas kini. Selain itu, semasa semakan fizikal terhadap contoh aset yang dipilih terdapat sebuah Almari Buku Bercermin (Nombor Siri Pendaftaran KKM/KA09/I/04/0145) bernilai RM10,973 di Jabatan Kesihatan Awam yang didaftar 2 kali. Perkara ini juga menyumbang kepada perbezaan tersebut.

Pada pandangan Audit, di bawah kriteria accuracy atau ketepatan, maklumat yang di jana dalam SPA perlu tepat kerana data berkenaan akan ditarik oleh sistem 1GFMS untuk mendapat baki awal aset alih KKM bagi tahun kewangan 2015. Semakan dan penyelarasan terhadap rekod SPA dan Laporan Aset hendaklah dibuat.

4.2. Aset Tiada Dilokasi

Pihak Audit telah membuat semakan terhadap 5 sampel aset bagi setiap bahagian. Semasa semakan fizikal di Jabatan Kesihatan Awam, pihak Audit tidak dapat

mengesahkan kewujudan set komputer *desktop* Apple/3G (termasuk *monitor*, papan kekunci dan tetikus) berharga RM24,000.00 kerana tidak ditemui. Lawatan kali kedua pada 10 April 2014, pihak Audit telah ditunjukkan dengan *Central Processing Unit* (CPU) sahaja. Manakala di Bahagian Kejuruteraan, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudan 2 aset yang disemak. Aset tersebut adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Aset Tidak Dijumpai

Bil.	Perihal Aset	No. Pendaftaran Aset	Lokasi	Kos (RM)
1.	Mesin Fotostat Ricoh FT 4527	KKM/KJT09/H/95/8	Bahagian Kejuruteraan	18,560.00
2.	Mesin Riiso RC 5600D	KKM/KJT09/H/92/5	Bahagian Kejuruteraan	18,883.00

Pada pandangan Audit, di bawah kriteria existence atau kewujudan, maklumat aset yang telah dikunci masuk dalam SPA perlu wujud dan boleh kenalpasti. Kesahihan aset berkenaan perlu dibuktikan dan sekiranya aset berkenaan hilang, laporan polis dan laporan kepada Ketua Jabatan perlu dibuat dengan kadar segera. Pemeriksaan Aset Tahunan yang menyeluruh sepatutnya boleh digunakan sebagai satu proses mengenalpasti kewujudan aset.

4.3. Aset Yang Lupus Belum Dikeluarkan Daripada SPA

Pelupusan ialah satu proses untuk mengeluarkan aset dari milikan awalan, simpanan dan rekod mengikut kaedah yang ditetapkan. Selepas proses pelupusan selesai pegawai yang bertanggungjawab hendaklah mengemaskini rekod daftar aset. Perkara ini adalah penting bagi menunjukkan jumlah dan nilai sebenar aset yang dimiliki oleh sesuatu agensi.

Semakan Audit mendapati aset yang telah lupus masih diambilkira dalam rekod SPA. Contoh aset yang lupus tetapi masih ada dalam rekod SPA adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Contoh Senarai Aset Lupus Yang Masih Ada Dalam Rekod SPA

Bahagian	Bil.	Perihal Aset	No. Pendaftaran Aset	Tarikh Lupus	Kos (RM)
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN	1.	DESKTOP HEWLETT PACKARD BRIO BAX PIII 650	KKM/KPG09/H/00/10	TM	6,570.00
			SG01770811	TM	
	2.	DESKTOP SAMSUNG MEP 2000 SERIES	KKM/KPG09/H/02/15	TM	6,050.00
			CFWN 20802828(P4)	TM	
	3.	DESKTOP TOSHIBA PORTEGE 7220 CTe	KKM/KPG09/H/00/5	TM	16,000.00
			Y 0013126 J	TM	
	4.	LAPTOP DELL AL - C600-LATITUDE C600	KKM/KPG09/H/01/11	TM	8,550.00
			BB950198	TM	
	5.	LAPTOP DELL AL - C600-LATITUDE C600	KKM/KPG09/H/01/12	TM	8,550.00
			BB 950525	TM	
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN	1.	Komputer	KKM/KP09/H/10/102	27.04.2011	7,849.00
	2.	Komputer riba	KKM/KP09/H/07/155	26.09.2011	7,960.00
	3.	Kenderaan(WQH 8905)	KKM/KP09/H/07/51	15.12.2011	63,000.00
	4.	Kenderaan(WDM 9649)	KKM/KP09/H/94/1	4.12.2012	79,500.00
	5.	Kenderaan(WLH7074)	KKM/KP09/H/03/1	07.02.2013	56,700.00
BAHAGIAN KEWANGAN	1.	Komputer riba	KKM/KP09/H/01/6	30.08.2013	5,000.00
	2.	Komputer riba	KKM/KP09/H/01/7	30.08.2013	5,000.00
	3.	Komputer riba	KKM/KP09/H/01/8	30.08.2013	5,000.00
	4.	Komputer	KKM/KP09/H/06/16	30.08.2013	4,165.00
	5.	Komputer	KKM/KP09/H/06/18	30.08.2013	4,165.00

TM – Tiada Maklumat

Pada pandangan Audit, dibawah kriteria completeness atau lengkap, maklumat aset yang telah dilupuskan atau di hapuskira perlu dikeluarkan daripada rekod dalam SPA dalam tempoh transaksi berkenaan berlaku. Adalah disyorkan supaya semua urusan pelupusan dan hapuskira yang berlaku dalam sesuatu tempoh, tindakan perlu diambil dalam memastikan rekod mengenainya dalam SPA telah dikemas kini.

4.4. Nilai Aset *Medico Device* Yang Telah Diperbadankan Masih Diambilkira Sebagai Aset Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

Bahagian Peranti Perubatan (*Medico Device*) merupakan satu unit di bawah Bahagian Kejuruteraan (BPKj) yang telah diperbadankan pada 15 Mac 2012 (tarikh Akta).

Semakan Audit mendapati senarai aset Bahagian Peranti Perubatan (BPP) masih ada dalam rekod SPA BPKj. Sehingga 31 Januari 2014 terdapat 819 aset BPP bernilai RM1,524,143.71 dalam rekod SPA BPKj.

Pada pandangan Audit, di bawah kriteria rights and obligations atau keempunyaan hak dan obligasi, maklumat aset yang telah diserahkan hak oleh sesuatu organisasi kepada organisasi lain dan aset berkenaan bukan dalam pegangan maka ianya perlu dikeluarkan daripada SPA organisasi berkenaan. Adalah disyorkan semua rekod aset yang bukan dalam pegangan dan telah diserahkan hak kepada organisasi lain maka rekod mengenainya dikeluarkan daripada SPA organisasi berkenaan dengan kadar segera. Sekiranya aset berkenaan belum dilupuskan melalui kaedah pelupusan seperti kehendak pekeliling, maka tindakan pelupusan perlu disegerakan.

4.5. Pendaftaran Aset

Bab B, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telah menggariskan dengan terperinci pendaftaran aset yang dibeli. Pendaftaran aset bertujuan untuk:

- Mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini;
- Memudahkan pengesanan dan pemantauan;
- Membolehkan keadaan aset diketahui; dan
- Memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset.

Mengikut Pekeliling yang sama, Bab B perenggan 4 menetapkan tempoh pendaftaran aset iaitu dalam tempoh 2 minggu atau bersamaan 14 hari dari tarikh pengesahan penerimaan aset tersebut. Pendaftaran harta modal dan inventori

tersebut hendaklah menggunakan Daftar KEW.PA-2 dan KEW.PA- 3 masing-masing.

Semakan Audit terhadap pendaftaran aset di Bahagian Kawalan Mutu Makanan mendapati sebanyak 111 aset bernilai RM7,441,137 yang dibeli pada tahun 2013 masih belum didaftar. Manakala di unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit pula sebanyak 190 aset belum di daftarkan lagi. Butiran terperinci aset-aset tersebut adalah seperti di **Lampiran 2(a)** dan **2(b)**.

Pada pandangan Audit, di bawah kriteria completeness dan occurrence atau sesuatu transaksi itu lengkap dan berlaku, maklumat aset berkenaan perlu diambilkira dalam SPA. Adalah disyorkan supaya tindakan mendaftar aset yang masih belum didaftarkan disegerakan agar rekod dalam SPA tepat dan boleh dipercayai.

5. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, nilai aset yang dilaporkan pada 31 Disember 2013 adalah tidak tepat. Walaupun sampel yang dipilih adalah kecil iaitu hanya 5.87% daripada jumlah aset di 10 PTJ KKM atau hanya 4.2% dari nilai keseluruhan aset IPKKM, isu-isu kesilapan perekodan, aset tidak dapat dikesan, aset yang dilupus masih dilaporkan serta aset bukan milik KKM yang masih direkodkan sebagai aset KKM masih dapat dikesan oleh pihak Audit.

Oleh itu, bagi memastikan baki awal 2015 adalah benar dan saksama, semua bahagian dan PTJ di KKM perlu dimaklumkan mengenai kelemahan-kelemahan ini dan mengambil tindakan berikut:

- a) Baki aset yang direkod dalam SPA dan dilapor dalam Laporan Suku Tahun/Akhir tahun perlu dikemas kini agar maklumat yang dilapor dan direkod dalam sistem adalah sama;

- b) Setiap rekod aset hendaklah disahkan kewujudannya dan sekiranya tidak ditemui, laporan mengenainya hendaklah dibuat agar siasatan dapat dijalankan;
- c) Aset yang telah dilupuskan (secara jualan, musnah atau pindahmilik) perlu dikeluarkan rekod mengenainya dalam SPA dengan merujuk kepada Bahagian Perolehan Dan Penswastaaan sebagai *super administrator* IPKKM; dan
- d) Senarai aset hendaklah direkodkan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007.

Prestasi1/sel

LAMPIRAN 1

SENARAI SAMPEL ASET YANG DISEMAK

Bil.	Nama Bahagian	Sub - Bahagian	Perihal Aset	No. Siri Pendaftaran	Jenama	Tahun Diterima	Kos (RM)
1.	SUMBER MANUSIA		1. Mesin Perforator	KKM/SM09/H/08/16	New Kon 112-905L		28,700.00
	Tarikh Lawatan:		2. Rak Audio Visual	KKM/SM09/H/05/62	-		110,300.00
	17.3.14		3. MPV	KKM/SM09/H/07/96	Toyota Fortuner 2.7V		96,717.81
			4. Full Cabinet	KKM/SM09/I/05/733	Kabinet <i>Build In</i> Kayu		10,973.00
			5. Full Cabinet	KKM/SM09/I/08/68	Kabinet <i>Build In</i> Kayu		14,850.00
							<u>261,540.81</u>
2.	KEWANGAN		6. Mesin Perforator	KKM/KW09/H/07/12	Penebuk Baucar		28,440.00
	Tarikh Lawatan:		7. Rak Audio Visual	KKM/KW09/H/10/7	HP Color Laserjet		18,456.00
	17.3.14		8. MPV	KKM/KW09/H/05/1	Toyota Fortuner 2.7V (P) AT		108,033.76
			9. Franking Machine	KKM/KW09/H/06/28	Neopost 1J35		9,405.00
			10. Carta Organisasi	KKM/KW09/H/09/26	Carta		5,250.00
							<u>169,584.76</u>
3.	KESIHATAN PERGIGIAN		11. Pencetak	KKM/KPG09/H/94/6	Printer Digital Duplicator	01.02.1994	14,950.00
	Tarikh Lawatan:		12. Komputer	KKM/KPG09/H/09/16	Laptop	22.07.2009	8,680.00
	18.3.14		13. Pencetak	KKM/KPG09/H/08/5	HP Laserjet Printer	24.12.2008	8,850.00
			14. Pencetak	KKM/KPG09/H/12/4	Plotter Printer	27.09.2012	19,900.00
			15. Kenderaan MPV	KKM/KPG09/H/07/7	Toyota Innova 2.0	24.05.2007	78,541.68
							<u>130,921.68</u>

Bil.	Nama Bahagian	Sub - Bahagian	Perihal Aset	No. Siri Pendaftaran	Jenama	Tahun Diterima	Kos (RM)
4.	KESIHATAN AWAM	i) TKPK (Pengurusan)	16. Perabot	KKM/KA09/I/04/1245	Almari Buku Cermin	10.03.2004	10,973.00
	Tarikh Lawatan:	ii) Kawalan Penyakit	17. Kenderaan MPV	KKM/KA09/H/06/223	Toyota Fortuner	04.12.2006	116,225.00
	18.3.14		18. Peralatan Pandang Dengar	KKM/KA09/H/06/221	Conference System	26.12.2006	93,750.00
		iii) Pendidikan Kesihatan	19. Peralatan Percetakan	KKM/KA09/H/09/12	Printing Machine	26.11.2009	385,000.00
			20. Kelengkapan Gimnasium	KKM/KA09/H/07/13	Multi Station Gym	14.11.2007	24,400.00
			21. Komputer	KKM/KA09/H/05/77	Desktop	01.08.2005	24,000.00
		iv) Kesihatan Keluarga	22. Kelengkapan ICT	KKM/KA09/H/12/225	Rackmount Server	21.12.2012	19,000.00
		v) Pemakanan	23. Peralatan Mengukur	KKM/KA09/H/12/91	Penimbang Berat Mudah Alih	20.09.2012	49,000.00
							<u>722,348.00</u>
5.	BAHAGIAN PEROLEHAN & PENSWASTAAN		24. Komputer	KKM/PP09/H/03/4	Komputer Riba	13.11.2003	8,100.00
	Tarikh Lawatan :		25. Mesin Pejabat	KKM/PP09/H/11/1	Perforating Machine	05.05.2011	18,800.00
	24.3.2014		26. Server	KKM/PP09/H/08/20	Rackmount Sever HP Proliant	29.04.2008	14,968.00
			27. Server	KKM/PP09/H/12/9	Rackmount Sever M4 Server	28.12.2012	47,881.00
			28. Kenderaan	KKM/PP09/H/09/22	Toyota Innova 2.0	31.12.2009	67,734.07
							<u>157,483.07</u>
6.	PENGURUSAN MAKLUMAT		29. Komputer	KKM/TM09/H/09/35	Desktop	09.07.2009	17,700.00

Bil.	Nama Bahagian	Sub - Bahagian	Perihal Aset	No. Siri Pendaftaran	Jenama	Tahun Diterima	Kos (RM)
	Tarikh Lawatan:		30. Server	KKM/BPM09/H/95/1	Tower Server (Sun Microsistem)	02.10.1995	100,000.00
	19.3.14		31. Kelengkapan Pejabat	KKM/TM09/H/06/10	Electronic White Board	15.12.2006	16,472.00
			32. Server	KKM/BPM09/H/13/71	Storage Server	21.11.2013	60,000.00
			33. Server	KKM/BPM09/H/07/146	Tower Server (IBM)	19.09.2007	190,363.00
							384,535.00
7.	KHIDMAT PENGURUSAN		34. Peralatan Pandang Dengar	KKM/KP09/H/10/134	LCD Projector	18.11.2010	26,200.25
	Tarikh Lawatan:		35. Peralatan Percetakan	KKM/KP09/H/13/18	Mesin Percetakan	06.05.2013	21,500.00
	20.3.14		36. Perabot	KKM/KP09/H/07/168	Kerusi Rehat OSIM	02.07.2007	20,500.00
			37. Peralatan Percetakan	KKM/KP09/H/13/17	Mesin Pencetak kad ID Fargo	06.05.2013	21,500.00
			38. Kenderaan	KKM/KP09/H/13/17	Bas 40 Penumpang	27.10.2005	467,000.00
							556,700.25
8.	PERUBATAN		39. Pencetak	KKM/PPR09/H/08/41	HP Laserjet	10.11.2008	16,800.00
	Tarikh Lawatan:		40. Peralatan Pandang Dengar	KKM/PPR09/H/00/1	LCD Projector	28.09.2000	20,285.00
	20.3.14		41. Peralatan Pandang Dengar	KKM/PPR09/H/04/1	TV NEC Plasma	10.02.2004	25,589.00

Bil.	Nama Bahagian	Sub - Bahagian	Perihal Aset	No. Siri Pendaftaran	Jenama	Tahun Diterima	Kos (RM)
			42. Peralatan Mekanikal & Logam	KKM/PPR09/H/12/3	Embossing Unit	26.04.2012	18,900.00
			43. Peralatan Rawatan	KKM/PPR09/H/06/180	Defibrillator	02.01.2006	22,000.00
							103,574.00
9.	KEJURUTERAAN		44. Peralatan Penyelidikan Nuklear	KKM/KJT09/H/13/34	Nuclear Radiation Detector	17.12.2013	49,770.00
	Tarikh Lawatan:		45. Kawalan Keselamatan Nuklear	KKM/KJT09/H/02/2	Radiation Survey Meter	04.01.2002	120,701.00
	24.3.14		46. Peralatan Penyelidikan & Pengujian	KKM/KJT09/H/09/104	Electro magnetic Field Monitor	21.10.2009	114,245.00
		Aset tiada	47. Peralatan Percetakan	KKM/KJT09/H/92/5	Mesin Riiso	14.12.1992	18883*
		Aset tiada	48. Mesin Pejabat	KKM/KJT09/H/95/8	Mesin Fotostat	04.11.1995	18560*
							284,716.00
10.	KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN	Makmal Makanan, Klang	49. Peralatan Analisa Perubatan	KKM/BKKM09/H/12/165	Microbiology Diagnosis System	24.12.2012	195,000.00
	Tarikh Lawatan:	Makmal Makanan, Klang	50. Peralatan Penyelidikan & Pengujian	KKM/BKKM09/H/12/132	Ion Chromatography	17.12.2012	299,670.00
	25.3.14	Makmal Makanan, Klang	51. Peralatan Penyelidikan & Pengujian	KKM/BKKM09/H/12/161	Thermocycler PCR	24.12.2012	299,000.00
			52. Peralatan Pameran	KKM/BKKM09/H/12/62	Pemapar Poster	20.12.2012	49,998.00

Bil.	Nama Bahagian	Sub - Bahagian	Perihal Aset	No. Siri Pendaftaran	Jenama	Tahun Diterima	Kos (RM)
			53. Kenderaan	KKM/BKKM09/H/11/17	Nissan X-Trail	07.12.2011	95,925.02
							939,593.02
JUMLAH BESAR							3,880,581.35

LAMPIRAN 2(a)

**SENARAI PESANAN KERAJAAN (L.O) BAGI SEBUT HARGA PERALATAN MAKMAL
(MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)
UNTUK INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) TAHUN 2013 DI BANDAR BOTANIC, KLANG**

BIL	TARIKH LO	NO LO	NAMA PRODUK	DISKRIPSI PERALATAN	JENAMA, MODEL & BUATAN	KUANTITI	HARGA KESELURUHAN	NO. SIRI	TEMPOH JAMINAN
1.	27/09/2013	L0251011701130531 B2092	ALT KLGKPN PNYLDKN - FREEZE DRYER			1 UNIT	74,500.00		
2.	27/09/2013	L0251011701130530	ALT KLGKPN PYLDKN - DUMAS NITROGEN/PROTEIN			1 UNIT	139,300.00		
3.	27/09/2013	L0251011701130529 B2002	ALT KLGKPN PNYLDKN - ROTARY EVAPORATOR			1 UNIT	74,380.00		
4.	27/09/2013	L0251011701130528 B1659	ALT KLGKPN PYLDK -VIDAS SYSTEM			1 UNIT	180,000.00		
5.	27/09/2013	L0251011701130527 B1658	ALT KLGKPN PNYLDKN-GC-FID/NPD) SYSTEM			1 UNIT	206,200.00		
6.	27/09/2013	L0251011701130526 B1731	ALT KLGKPN PYLDKN-DIETARY FIBER ANALYZER COMP SYS			1 UNIT	191,950.00		
7.	27/09/2013	L0251011701130525 B1681	ALT KLGKPN PYLDK - FOURIER TRANSFORM INFRARED SPECT			1 UNIT	199,800.00		
8.	27/09/2013	L0251011701130524 B1426	ALT KLGKPN PYLDKN YG LAIN-BAX SYSTEM			1 UNIT	245,000.00		
9.	19/03/2013	L0251011701130112 B1497	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN - HLPC (ICPMS)			1 UNIT	898,380.00		
10.	29/10/2013	L0251011701130598 B2003	ALT KLGKPN PYLDKN – MEDICAL FREEZER			2 UNIT	39,960.00		
11.	29/10/2013	L0251011701130594 B1965	ALT KLGKPN PYLDKN – STOMACHER			1 UNIT	20,000.00		
12.	02/04/2013	L0251011701130140 B1123	ALAT KELENGKAPAN YANG LAIN-LIQUID CHROMATOGRAPHY MASS			1 UNIT	1,495,000.00		

LAMPIRAN 2(a)

**SENARAI PESANAN KERAJAAN (L.O) BAGI SEBUT HARGA PERALATAN MAKMAL
(MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)
UNTUK INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) TAHUN 2013 DI BANDAR BOTANIC, KLANG**

BIL	TARIKH LO	NO LO	NAMA PRODUK	DISKRIPSI PERALATAN	JENAMA, MODEL & BUATAN	KUANTITI	HARGA KESELURUHAN	NO. SIRI	TEMPOH JAMINAN
			SPECTROMETER / MASS SPECTROMETER (LCMSMS)						
13.	26/04/2013	L0251011701130220 B1041	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN - CENTRIFUGAL MILL			1 UNIT	40,000.00		
14.	29/10/2013	L0251011701130595 B1960	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN - STEPPING STOOL			2 UNIT	980.00		
15.	29/10/2013	L0251011701130596 B2067	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN - FLAMMABLE CABINET			1 UNIT	13,800.00		
16.	14/11/2013	L0251011701130679 B2117	ALT KLGKPN PYLDKN-MICROBIAL INDENTIFICATION SYSTEM			1 UNIT	2,552,177.00		
17.	26/11/2013	L0251011701130786 B2004	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN - VACUUM MANIFOLD SET COMPLETE WITH PUMP & ACCESSORIES			2 UNIT	20,312.00		
18.	27/11/2013	L0251011701130792 B2081	ALAT KELENGKAPAN PENYELIDIKAN-(LC-MS/MS)			1 UNIT	932,000.00		
19.	29/11/2013	L0251011701130794	ALT KLGPN ELKT YG LAIN (FELLOWES INTELLISHRED PROFESSIONAL SHREDDERS SB-125ci & ALT KLGKPN PRS DATA YG LAIN (HP LASERJET P1102)			SHREDDERS -1 UNIT HP LASERJET P1102 - 2 UNIT	3498.00		
20.	29/11/2013	L0251011701130795 B2005	KMPT ALT KLGKPN PRSN DATA – HP PROBOOK 6470B & HP COMPAQ 8300			-HP PROBOOK 4 UNIT -HP COMPAQ 2 UNIT	25,000.00		

LAMPIRAN 2(a)

**SENARAI PESANAN KERAJAAN (L.O) BAGI SEBUT HARGA PERALATAN MAKMAL
(MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)
UNTUK INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) TAHUN 2013 DI BANDAR BOTANIC, KLANG**

BIL	TARIKH LO	NO LO	NAMA PRODUK	DISKRIPSI PERALATAN	JENAMA, MODEL & BUATAN	KUANTITI	HARGA KESELURUHAN	NO. SIRI	TEMPOH JAMINAN
21.	19/12/2013	L0251011701130802 B2078	ALT KLGKPN PYLDKN – REFRIGERATOR/CHILLER			2 UNIT	9600.00		
	B42								
22.	13/11/2013	L0251011701130657 B1959	BEKALAN AM YANG LAIN – PUNCH CARD MACHINE			1 UNIT	600.00		
23.	25/11/2013	L0251011701130779 B1961	ALT KLGKPN ELEKTRIK YG LAIN – FELLOWES PULSAR BINDING MACHINE			1 UNIT	1500.00	S/N:0030349	
24.	13/11/2013	L0251011701130656 B1957	BEKALAN AM YANG LAIN – KIJO LAMINATOR LM1320			1 UNIT	385.00		
25.	11/11/2013	L0251011701130652 B1956	BEKALAN AM YANG LAIN – ELBA AIR COOLER			1 UNIT	840.00		
26.	22/11/2013	L0251011701130777 B1955	ALT KLGKPN FOTOGRAFI – DIGITAL KAMERA SONY NEX 5TL			1 UNIT	3,500.00	S/N:4699865 (utk barang ape?) S/N:2529288 (utk barang ape?)	
27.	04/11/2013	L0251011701130609 B1954	ALT KLGKPN PYLDKN – PH METER			1 UNIT	2,600.00	S/N:2063345	
28.	17/06/2013	L0251011701130338 B2116	ALT KLGKPN YG LAIN – DRYING OVEN			1 UNIT	25,630.00		
29.	17/06/2013	L0251011701130330 B1042	ALT KLGKPN PYLDKN – MICROPIPETTE (10-100ul, 2-20ul, 20-200ul, 100-1000ul) & MICROPIPETTE STAND			10-100ul – 3UNIT (RM1800) 2-20 ul – 2UNIT (RM1200) 20-200 ul – 3UNIT (RM1800) 100-1000 ul – 3UNIT (RM1800) MICROPIPETTE	7620.00	S/N: SEMUA ADA	OK

LAMPIRAN 2(a)

**SENARAI PESANAN KERAJAAN (L.O) BAGI SEBUT HARGA PERALATAN MAKMAL
(MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN)
UNTUK INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) TAHUN 2013 DI BANDAR BOTANIC, KLANG**

BIL	TARIKH LO	NO LO	NAMA PRODUK	DISKRIPSI PERALATAN	JENAMA, MODEL & BUATAN	KUANTITI	HARGA KESELURUHAN	NO. SIRI	TEMPOH JAMINAN
						STAND – 3 UNIT (RM1020)			
30.	17/06/2013	L0251011701130332 B1527	ALT KLGKPN PYLDIKAN-DISPENSER 10ml,50ml & 100ml			10ML – 3 UNIT 50ML – 3 UNIT 100ML – 3 UNIT	14,085.00		
31.	09/09/2013	L0251011701130469 B1525	PRBT & LENGKAPAN LAIN – MEJA LIPAT, MOBILE WHITEBOARD, KERUSI MAKMAL & LOKER BERKUNCI)			MEJA LIPAT – 4 UNIT M.WHITEBOARD – 1 UNIT KERUSI – 20 UNIT LOKER – 2 UNIT	9160.00		
32.	04/11/2013	L0251011701130610 B1954	ALAT KELENGKAPAN PEJABAT - WHITE BOARD			1 UNIT			
33.	04/11/2013	L0251011701130611 B1836	PERABOT DAN LENGKAPAN LAIN - TROLLEY MAKMAL			4 UNIT	5600.00		
34.	04/11/2013	L0251011701130612 B1829	BEKALAN AM YANG LAIN - MEJA LIPAT			8 UNIT	1840.00		
35.	04/11/2013	L0251011701130613	BEKALAN AM YANG LAIN - KERUSI MAKMAL			20 UNIT	5340.00		
36.	04/11/2013	L0251011701130614 B1835	BEKALAN AM YANG LAIN - RAK PENYANGKUT BAJU			4 UNIT	600.00		

SENARAI INVENTORI BELUM DAFTAR DI BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

BIL	ITEM	KUANTITI	ANGGARAN HARGA (RM)
BILIK PERBINCANGAN NCD			
1.	KERUSI BANQUET KAYU	48	
2.	SOFA 1 SEATER HITAM	4	
3.	COFFEE TABLE	2	
4.	MEJA BANQUET BESAR	3	
5.	MEJA BANQUET PENDEK	7	
6.	MEJA BANQUET PANJANG	1	
BILIK MESYUARAT UTAMA NCD			
1.	MEJA MESYUARAT	25	
2.	MEJA MESYUARAT BULATAN	4	
3.	KERUSI MESYUARAT (BIRU)	34	
4.	KERUSI PEGAWAI (COKLAT)	2	
5.	MICROFON	24	
BILIK PEGAWAI			
1.	MEJA PEGAWAI	3	
2.	DRAWER	3	
3.	LOW CABINET	3	
4.	MEJA KOMPUTER	3	
5.	SOFA 2 SEATER	3	
6.	SOFA 1 SEATER	3	
7.	COFFEE TABLE	3	
8.	SIDE TABLE	3	
9.	KERUSI PEGAWAI	3	
10.	KERUSI TETAMU	6	
11.	WARDROPE	3	